

# Asia Barat minta teks ucapan

UM - 7 FEB 2002

KUALA LUMPUR 6 Feb. — Beberapa pihak di Asia Barat meminta supaya teks ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa Forum Ekonomi Dunia (WEF) di New York, Amerika Syarikat, 3 Februari lalu diterjemahkan ke bahasa Arab.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman berkata, mereka juga mahu supaya proses alih bahasa dibuat sendiri oleh orang Malaysia bagi

memastikan tidak berlaku sebarang kesilapan terjemahan.

Sehubungan itu beliau berkata, pihaknya akan membuat terjemahan itu dengan segera untuk diedarkan ke negara-negara Asia Barat dalam bentuk risalah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berdialog selama tiga jam dengan kakitangan Institut Pengurusan Kesihatan (IPK), di sini hari ini.

Menurut Dr. Abdul Hamid, beberapa syarikat penerbitan di rantau tersebut juga telah menyatakan minat untuk menyiarkan teks ucapan Dr. Mahathir dalam akhbar dan majalah keluaran mereka.

Ucapan Perdana Menteri bertajuk 'Peranan Islam Dalam Negara Modern' mendedahkan mengenai masalah besar yang dihadapi oleh kerajaan Islam kerana penyelewengan agama oleh

ulama politik dan kumpulan kumpulan yang menentang pembangunan.

Menurut Dr. Mahathir, ulama politik terbabit telah menyelewengkan agama bagi memperoleh kuasa manakala kumpulan menentang pembangunan pula cenderung mengisytiharkan jihad secara kekerasan terhadap kerajaan Islam.

Mengenai kemungkinan UMNO dan Pas bekerjasama bagi menghadapi golongan militan

## PM diterjemah ke bahasa Arab

Islam, Abdul Hamid yang juga ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata, perkara tersebut boleh dilakukan sekiranya parti pembangkang berkenaan membuang tabiat mereka yang suka meletakkan pelbagai syarat.

### Perpaduan

Pada awal tahun lalu, pertemuan perpaduan Melayu antara pemimpin UMNO dan Pas terpaksa dibatalkan setelah parti pembangkang tersebut

meletakkan syarat supaya *Harakah* dibenarkan terbit dua kali seminggu dan bayaran royalti minyak disalur terus kepada kerajaan Terengganu.

Abdul Hamid menjelaskan, hubungan tidak mesra antara kedua-dua parti juga berpunca daripada sikap pemimpin Pas yang membuat pelbagai tuduhan tidak benar terhadap UMNO termasuk kononnya kerajaan menolak hukum hudud.

"Kita menerima hudud,

tetapi tidak melaksanakan pada masa ini kerana bimbang berlaku tunjuk perasaan seperti di Sudan dan Pakistan yang dianjurkan oleh beberapa pihak yang tidak berpuas hati dengan pelaksanaannya.

"Kita berpendapat, pelaksanaan hukum hudud harus meliputi semua kaum kerana adalah tidak adil jika orang Islam sahaja dipotong tangan manakala kaum lain hanya dipenjarakan," tegasnya.

Sementara itu, semasa majlis dialog dengan kakitangan IPK, Abdul Hamid mendedahkan mengenai sikap segelintir kakitangan kerajaan yang masuk bekerja lewat selepas rehat tengah hari dengan alasan perlu mengikuti kuliah agama di surau.

"Perkara ini berlaku kerana salah faham kakitangan terbabit yang berpendapat urusan Islam hanya melibatkan syarahan serta pidato agama dan tidak ada kaitan dengan kerja," jelasnya.